

Tanggungjawab umat pertahanan kedaulatan negara

Berbalah sesama sendiri kerana tamakkan kuasa, berpecah belah boleh roboh benteng kekuatan

● GAMBAR HIASAN

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



SEJAK awal pembinaan tamadun lagi sejarah menukilkan bahawa bangsa asing akan meninjau sesebuah penempatan sebelum mula menapak untuk membina empayar keluarga, ekonomi, politik malah hubungan antara-bangsa sehingga akhirnya mereka menuntut atau mendapat hak yang sama dengan warga asal sesuatu penempatan diteroka.

Penjajahan itu bukan saja dalam bentuk fizikal atau paksaan yang lembut tetapi juga penguasaan minda dan jiwa sehingga sesuatu bangsa boleh hilang jati diri dan akidah yang utuh disebabkan pengaruh penjajah dominan.

Justeru, mempertahankan negara daripada gangguan dan pencerobohan luar yang menyelip masuk melalui pelbagai cara adalah satu kewajipan setiap warga negara. Pelbagai cara boleh digunakan untuk menangkis strategi penjajah dan ia boleh dilakukan setiap individu mengikut kemampuan masing-masing.

Hal ini bukanlah luar biasa, cuma senario hari ini tidak sama dengan apa yang dibuktikan sejarah. Tiada lagi kapal layar berlabuh meletak sauh atau rempah ratus menjadi boneka dagangan, yang ada ialah pencerobohan minda mengkhayalkan hingga kita lupa kepayaan menuntut kebebasan daripada penjajahan.

Ada kala kita lupa menyelak latar belakang dan asal kejadian kerana lali dengan kuasa serta kemewahan sehingga sanggup berperang sesama saudara, yang akhirnya orang lain menang.

Tugas mempertahankan negara

dengan apa juga cara besar ganjarannya di sisi Allah SWT, apatah lagi yang sanggup mengorbankan nyawa kerana tanah air tercinta.

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis diriwayatkan Imam Abi Daud dari Muaz yang bermaksud: "Barang siapa yang berperang di jalan Allah walaupun sekejap, iaitu sekadar tempoh orang memerah susu unta, maka wajib baginya syurga. Dan barang siapa yang memohon kepada Allah SWT dengan sungguh-sungguh untuk berjihad kemudian ia meninggal dunia atau dibunuh, maka sesungguhnya baginya adalah balasan syahid. Dan barang siapa terluka atau ditimpa kemalangan di jalan Allah, maka ia datang pada hari kiamat sederas darah yang mengalir ketika ia luka, warnanya seperti za'faran dan baunya bagaikan wangian kasturi."

Justeru, tidak hairanlah apabila kita membaca kisah sahabat Rasulullah SAW yang syahid di medan perang, darahnya merah segar mengalir deras tanpa henti dan baunya sewangi kasturi yang boleh dihidu berbatu jauhnya.

Bahkan syuhada di Gaza dan Somalia juga ditunjukkan Allah SWT akan kekuasaan-Nya, di mana mereka yang terbunuh bagaikan tidak sabar menghuni syurga yang di-



Ada kala kita lupa menyelak latar belakang dan asal kejadian kerana lali dengan kuasa serta kemewahan sehingga sanggup berperang sesama saudara, yang akhirnya orang lain menang



ANGKATAN tentera perlu sentiasa dalam keadaan siap siaga untuk menghadapi ancaman musuh negara.

wajibkan bagi mereka. Yang hidup pula bagaikan tidak sabar mengikut jejak mereka yang terpilih oleh Allah SWT dan sentiasa berdoa supaya masanya tiba buat mereka turut syahid kerana mempertahankan negara demi agama.

Untuk mempertahankan negara, kita bukan saja dibentuk oleh agama supaya mempunyai semangat juang tinggi tetapi juga kekentalan rohani. Keampuhan jiwa inilah menjadikan seseorang itu pejuang sebenar di jalan Allah SWT, mereka mampu bertahan dan tidak mudah mengaku kalah.

Tentera Islam dulu kuat dan teguh kerana ketaatan kepada Allah SWT yang ditonjolkan dengan mentaati pemimpinnya. Memang menjadi kewajipan orang yang dipimpin mentaati ketua mereka selagi perkara diarahkan tidak melanggar hukum Islam.

Inilah dapat membentuk angkatan tentera yang benar-benar bertanggungjawab dan rela berkorban demi negara. Bayangkan jika mereka berbalah sesama sendiri kerana tamakkan kuasa, sudah tentu

ia boleh memecah belahkan perpaduan, persefahaman serta merobohkan benteng kekuatan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan musuh hendaklah kamu tetap teguh menghadapi dan sebutlah serta ingatlah Allah SWT dengan banyakkian berdoa, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan." (Surah Al-Anfaal, ayat 45)

Islam tidak mengajar umatnya menceroboh atau memerangi sesiapa saja yang menolak agama Allah SWT, tetapi umat Islam dituntut mempertahankan negara kerana agama.

Allah SWT meminta kita berlaku adil kepada setiap warga negara meskipun berlainan agama dengan mengamalkan cara hidup yang damai dan makmur selagi mana umat Islam tidak dimusuhi kerana agama mereka dan selagi mereka tidak diusir dari tanah air mereka.

Tetapi Allah melarang orang Islam berbaik dengan orang yang memusuhi mereka kerana mereka ber-

agama Islam apatah lagi yang menolak hukum Allah SWT ke atas umat Islam sendiri.

Bukan mudah mempertahankan negara, apatah lagi isinya, bahkan ia menuntut komitmen semua pihak dari setiap lapisan masyarakat. Jika angkatan bersenjata menggunakan semua kelengkapan pertahanan untuk menghalang ancaman dan pencerobohan musuh, yang lainnya tentulah dengan kepintaran akal fikiran, keutuhan akidah yang sekali gus menyatukan setiap jiwa.

Biarpun tidak sehingga berkorban nyawa, setiap pertarungan mempertahankan negara bukanlah kerja calang-calang, ia tidak cukup dengan bertegang urat dan bertikam lidah mengatakan siapa bakal menang atau kalah. Ia adalah sejarah bahawa umat Islam tidak akan kalah.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom